JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 20/2020

**RUJUKAN : 11 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Perkembangan status jangkitan COVID-19 di Malaysia diukur berdasarkan kepada jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan yang terkini. Angka tersebut diperoleh hasil daripada perbezaan antara kes kumulatif positif dan kes discaj serta kematian. Merujuk kepada trajektori unjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kes aktif disasarkan pada 2,033 kes setelah tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa yang kedua. Statistik sehingga 11 April 2020, catatan bagi kategori kes tersebut adalah sebanyak 2,462 kes.

Secara kumulatif, **kes discaj atau pulih hampir mencecah 2,000 kes iaitu sebanyak 1,995** dan **menyumbang 44.04 peratus** daripada keseluruhan jangkitan COVID-19. Sementara itu, terdapat **184 kes positif baharu** menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan **sebanyak 4,530 kes. Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes jangkitan positif **sebanyak 1,993 kes**, Zon Selatan (994 kes), Wilayah Malaysia Timur (609 kes), manakala Zon Utara dan Zon Pantai Timur masing-masing mencatatkan 467 kes. Melihat kepada perspektif pertambahan kes baharu di peringkat negeri, peningkatan kes antaranya adalah menerusi catatan di WP Kuala Lumpur dengan merekodkan 46 kes disusuli Selangor sebanyak 35 kes, Pahang (27 kes), Johor (21 kes) dan Negeri Sembilan (17 kes). **Jumlah kematian** yang direkodkan sehingga kini adalah sebanyak **73 kes** menerusi **pertambahan 3 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan sebanyak **26 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah**, pertambahan satu daerah di Melaka Tengah. **Lembah Pantai kekal** mencatatkan **kes jangkitan tertinggi dengan 427 kes** diikuti Hulu Langat (368 kes) dan Petaling (328 kes). Sehingga 10 April 2020, tiada catatan zon merah direkodkan bagi daerah-daerah di Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sementara sejumlah 29 daerah dari seluruh negara masih mengekalkan rekod zon hijau atau tanpa jangkitan positif COVID-19.

**Jumlah kes positif COVID-19 di seluruh dunia** meningkat kepada **1,696,323 kes** dengan **jumlah kematian** terkini melebihi **100,000 kes. Amerika Syarikat** mendominasi **bilangan jangkitan positif dengan menyumbang sebanyak 29.5 peratus atau 500,399 kes** disusuli Sepanyol dengan catatan 158,273 kes, Itali (147,577 kes) dan Perancis dengan 125,931 kes. Sementara itu, **Itali merekodkan jumlah kematian tertinggi iaitu 18,849 kes,** diikuti Amerika Syarikat sebanyak 18,693 kes, Sepanyol (16,081 kes) manakala Perancis dengan 13,215 kes. Secara umumnya, **empat negara tersebut telah menyumbang sebanyak 65.1 peratus**

daripada jumlah kumulatif 102,672 kematian. **Di rantau Asean, Indonesia, Filipina dan Malaysia** merupakan negara yang **mencatatkan kematian yang tinggi**. Namun begitu, **kadar kematian di Malaysia** adalah **antara yang terendah iaitu 1.6 peratus**. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada 6.05 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 376,365 (22.19 peratus) seperti pada jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik COVID-19 sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Ini secara langsung akan memberikan reaksi kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**GLOBAL**: Berdasarkan *Bloomberg Economic' new global GDP tracker*, ekonomi global telah menguncup pada Mac 2020 dan kehilangan momentum lebih pantas berbanding krisis kewangan global 2008/2009. Indikator tersebut menunjukkan ekonomi global mencatatkan kejatuhan -0.5 peratus pada Mac dengan perbandingan antara bulan-ke-bulan (*m-o-m Annualised*). Pada Februari dan Januari 2020, ekonomi global berkembang 0.1 peratus dan 4.2 peratus. (Bloomberg)

**GLOBAL**: International Labour Organization (ILO) menyatakan impak krisis COVID-19 kepada pekerjaan adalah mendalam dan luar biasa apabila lebih dari 1 bilion pekerja berisiko tinggi untuk diberhentikan atau dipotong bayaran gaji & upah. Menurut ILO, perintah berkurung yang dikuatkuasakan bagi mengekang penularan wabak ini telah menjejaskan hampir 2.7 billion pekerja dengan 1.25 bilion (38 peratus tenaga kerja global) adalah Golongan Terdedah (*vulnerable*) yang terdiri dari pekerja dalam sektor perhotelan, makanan, pembuatan dan peruncitan. Selain itu, penutupan sementara perniagaan akan menyumbang penurunan jam bekerja sebanyak 6.7 peratus pada suku tahun kedua 2020 yang bersamaan 195 juta pekerja sepenuh masa. (Bloomberg)

**PAKISTAN**: Pakistan memutuskan untuk membuka semula sebahagian kilang-kilang walaupun negara tersebut sedang dalam perintah berkurung bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Langkah tersebut diambil kerana penutupan kilang-kilang ini akan memberi kesan kepada eksport negara tersebut dengan jangkaan penurunan 50 peratus eksport negara bagi tempoh dua bulan akan datang. (Bloomberg)

**JEPUN**: Pengeluaran keluli Japan dijangka merosot 26 peratus pada suku kedua tahun 2020 akibat penurunan ekonomi global yang terkesan dari krisis COVID-19 yang melanda. Menurut Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, dijangkakan jumlah pengeluaran keluli susut kepada 19.36 juta tan iaitu jumlah terendah semenjak suku kedua 2009. (Bloomberg)

**THAILAND**: Korea Selatan telah menghentikan sementara kemudahan pengecualian visa bagi rakyat Thailand ke negara tersebut untuk mengekang penularan COVID-19. Pemberhentian sementara ini termasuk visa akhbar (C-1) dan visa jangka pendek (C-3) satu atau pelbagai guna yang dikeluarkan sebelum 5 April 2020. Rakyat Thailand yang ingin memasuki Korea Selatan dari 13 April dan seterusnya perlu memohon visa di kedutaan Korea Selatan kecuali bagi pasport diplomatik dan rasmi. (ANN)

**SINGAPURA**: Menurut Housing Development Board (HDB) Singapura, pekerja asing yang sihat akan ditempatkan di dek dan tempat letak kereta bertingkat projek-projek pembinaan. Ini adalah sebahagian langkah penjarakan sosial bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan pekerja asing di negara berkenaan. Pihak berkuasa akan memeriksa dan memastikan fasiliti yang mencukupi di setiap kawasan dan menyediakan keperluan makanan. (ANN)

**VIETNAM**: Perdana Menteri Vietnam Nguyen Xuan Phuc bersetuju cadangan menyambung kembali eksport beras negara tersebut. Pada Mac 2020 yang lalu, negara tersebut telah melarang eksport beras bagi memastikan keselamatan makanan negara tersebut terjamin akibat penularan wabak COVID-19. Berdasarkan persetujuan tersebut, Vietnam akan mengeksport kira-kira 400,000 tan beras pada bulan April. Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Vietnam menyatakan, permintaan ke atas padi domestik negara tersebut akan mencapai 30 juta tan pada 2020. (Xinhua)

**FILIPINA**: Philippine National Police (PNP) melaporkan jumlah jenayah telah menurun 55 peratus bagi tempoh 24 hari berikutan perintah berkurung dikuatkasakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Pada 22 Februari hingga 16 Mac 2020, jumlah kes jenayah yang dicatatkan adalah sebanyak 3,361 berbanding 1,509 yang dicatatkan semasa perintah berkurung dikuatkuasakan. (ANN)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Bank Dunia** mengunjur **pertumbuhan ekonomi Malaysia menguncup pada kadar -0.1 peratus hingga -4.6 peratus** bagi tahun 2020, susulan kesan negatif penularan wabak COVID-19. **Pelaburan langsung asing**, **sektor pelancongan** dan **komoditi** juga turut terkesan daripada wabak tersebut.

2. **Kilang pengeluaran minyak sawit di enam daerah di Sabah** dibenarkan **beroperasi** yang menyumbang 75% daripada pengeluaran minyak sawit mentah bagi negeri Sabah.

3. **Ringgit dijangka terus meningkat** berbanding **dolar Amerika Syarikat (AS)** minggu depan didorong jaminan kerajaan untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi terpilih dibuka semula secara berperingkat. Ringgit juga **dijangka menguji paras 4.25** berbanding dolar AS sekiranya mata wang negara maju itu terus **merekodkan prestasi sederhana atau wujudnya risiko** yang lebih ketara dalam pasaran global.

4. **Pertumbuhan industri tenaga domestik** bergantung kepada fasa **pemulihan ekonomi negara** selepas pandemik Covid-19 berakhir dan **penyusunan semula TNB dijangka selesai pada suku ketiga 2020** apabila TNB Power Generation dan TNB Retail beroperasi yang akan membawa kepada operasi penjanaan dan runcit yang lebih cekap.

5. **Inisiatif penangguhan bayaran premium** mampu meringankan beban kewangan **pemegang polisi insurans dan juga takaful** yang terkesan dengan penularan Covid -19.

6. Pakar ekonomi dari Bank Muamalat Malaysia Bhd berpendapat bahawa **pelanjutan PKP akan memberi impak** yang besar kepada **"*non-essential services*" terutamanya bagi sektor pembuatan.**

7. **Malaysian Employers Federation (MEF)** meminta kerajaan mempertimbangkan **supaya membenarkan industri yang membekalkan bahan mentah** untuk barang-barang penting agar dapat beroperasi semasa lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO).

8. **National Tech Association of Malaysia (PIKOM)** memberikan pandangan bahawa **kerajaan perlu membuat prioriti** dan **melihat perkhidmatan teknologi maklumat** dan **perkhidmatan sokongan** sebagai perkhidmatan yang penting. Ini bagi memastikan teknologi sedia ada kekal beroperasi dan dapat diakses.

9. **Beberapa negara sedang mempertimbangkan** untuk menamatkan perintah berkurung yang **membabitkan kira-kira empat bilion penduduk dunia**. **WHO menyifatkan ianya terlalu tergesa-gesa** dan berbahaya selain mungkin **membawa kemudaratan** sekiranya tidak dikendalikan dengan cara yang betul dan akan mengakibatkan **pertambahan kes baharu lebih tinggi.**

10. Sektor yang diklasifikasikan **"perkhidmatan tidak penting"** terutama sektor yang mengeluarkan barangan untuk dieksport dijangka akan terjejas teruk susulan pelanjutan tempoh PKP.

11. Penularan wabak covid-19 di Malaysia telah menyebabkan **orang ramai hanya mengutamakan pembelian barang asas sahaja** bagi mengurangkan perbelanjaan.

12. Bagi mengatasi **masalah lambakan sayur** di Cameron Highlands dan Lojing yang terjejas akibat COVID-19 FAMA akan **membeli sebahagian sayur** tersebut manakala selebihnya akan diberikan kepada **badan bukan kerajaan (NGO)** untuk diagihkan kepada orang ramai selain **menghantarnya ke zoo.**

13. KKM menasihatkan **pembukaan beberapa sektor ekonomi terpilih perlu ditangguhkan** sehingga sekurang-kurangnya dua minggu lagi bagi membolehkan penilaian dilakukan sama ada negara **berjaya mengawal penularan Covid-19 dalam komuniti atau sebaliknya**.

14. **Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)** berharap kerajaan tidak mengenakan **prosedur yang menyukarkan syarikat** yang memohon untuk beroperasi ketika lanjutan PKP sehingga 28 April ini. Prosedur yang terlalu ketat akan menimbulkan masalah birokrasi sekali gus melambatkan syarikat untuk memulakan operasi. MEF turut **menjangkakan sekitar 1.3 juta atau lapan peratus rakyat Malaysia** akan menganggur tahun ini akibat daripada pelanjutan PKP dan juga kesan selepas pasca COVID-19

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Malay Mail** | **Pikom disappointed IT support, services not allowed to run during MCO**<br><br>The government needs to prioritise and look into IT support and services as a very essential service, making sure that technology remains available and accessible at this very trying time, says the National Tech Association of Malaysia (Pikom).<br><br>Technology should be at the forefront in enabling the economy and providing tools for safe social distancing.<br><br>Pikom chairman Danny Lee noted that technology is an integral component of the economy, contributing 18.5 per cent to the gross domestic product and employing over a million Malaysians. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/11/pikom-disappointed-it-support-services-not-allowed-to-run-during-mco/1855741 |
| 2. | **New Straits Time** | **Statistics Dept to conduct survey on Covid-19, MCO effects on individuals, businesses**<br><br>The special survey for individuals will continue for the second round, and it is open to all Malaysians aged 15 and above.<br><br>Meanwhile, the survey for businesses is the first of its kind in the country.<br><br>Chief statistician Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583349/statistics-dept-conduct-survey-covid-19-mco-effects-individuals |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Mahidin said the survey is continued as a result of the extension of the Movement Control Order (MCO) until April 28. It will measure Covid-19's impact on the public as well as companies.<br><br>The government will be able to use the input from the survey findings to measure the impact of Covid-19 on the economy, individuals and businesses in the country. | |
| 3. | **New Straits Time** | **Let industries supplying raw materials resume**<br><br>The Malaysian Employers Federation (MEF) has called on the government to allow industries supplying raw materials for essential items to resume their business during the extension of Movement Control Order (MCO).<br><br>Its executive director, Datuk Shamsuddin Bardan, said this would ensure the supply chain and production of essential items during the MCO were not disrupted.<br><br>"Businesses related to essential products should be given priority," he said, adding that MEF had received complaints from members that they were not allowed to operate even though they produced raw materials for essential items such as gloves. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583333/let-industries-supplying-raw-materials-resume |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **New Straits Time** | **Non-essential services sector may be hit hard, say experts**<br><br>The economic impact of the extended Movement Control Order (MCO) may be severe to sectors classified as “non-essential services”, especially the manufacturing sector for exports, say experts.<br><br>Bank Muamalat Malaysia Bhd economist Izuan Ahmad said the government should address MCO issues by having discussions with the relevant sectors on whether to allow non-essential services to resume operations with tight control measures.<br><br>“The decision or other options are important to prevent further negative impact on the non-essential services sector,” he told the New Straits Times. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583326/non-essential-services-sector-may-be-hit-hard-say-experts |
| 5. | **Berita Harian** | **Kerajaan masih ada ruang tambah rangsangan ekonomi**<br><br>Kerajaan mempunyai ruang untuk menambah lagi suntikan pakej rangsangan ekonomi kepada rakyat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi sehingga 28 April ini.<br><br>Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi & Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata kerajaan mempunyai pangkalan data yang lebih baik dan menyeluruh | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675783/kerajaan-masih-ada-ruang-tambah-rangsangan-ekonomi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berbanding semasa PKP mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu.<br><br>Perkara itu turut dipersetujui Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, yang berkata kerajaan masih lagi ada ruang untuk perbelanjaan fiskal kerana bukan semua peruntukan RM250 bilion yang diumumkan sebelum ini adalah suntikan langsung kerajaan. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – PIKOM memberikan pandangan bahawa Kerajaan perlu membuat prioriti dan melihat perkhidmatan teknologi maklumat dan perkhidmatan sokongan sebagai perkhidmatan yang penting. Ini bagi memastikan teknologi sedia ada kekal beroperasi dan dapat diakses.
2. Artikel 2 – Jabatan Perangkaan sedang menjalankan dua Survei Khas iaitu ‘Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) dan ‘Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Syarikat/Firma Perniagaan (Pusingan 1)’ yang bermula pada 10 hingga 24 April 2020 secara atas talian.
3. Artikel 3 – Malaysian Employers Federation (MEF) meminta kerajaan mempertimbangkan supaya membenarkan industri yang membekalkan bahan mentah untuk barang-barang penting agar dapat beroperasi semasa lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO).
4. Artikel 4 – Pakar ekonomi dari Bank Muamalat Malaysia Bhd berpendapat bahawa pelanjutan PKP akan memberi impak yang besar kepada “*non-essential services*” terutamanya bagi sektor pembuatan. Beliau juga mencadangkan untuk Kerajaan membuat perbincangan bersama sektor berkaitan bagi menentukan “*non-essential services*” agar dapat meneruskan operasi dengan langkah-langkah kawalan yang ketat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan PKP akan memberi kesan kepada aktiviti ekonomi samada di Malaysia atau negara yang melaksanakan lockdown. Sebagai contohnya sebahagian aktiviti dalam industri Perkhidmatan teknologi maklumat dan perkhidmatan sokongan merupakan salah satu sektor menjana ekonomi negara. Sumbangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kepada ekonomi negara terus berkembang pada tahun 2018 sebanyak 18.5 peratus berbanding 18.3 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) serta Ekonomi dan Syarikat Perniagaan (Pusingan 1) yang

dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan bertujuan untuk mendapatkan input dan persepsi daripada sektor isi rumah dan syarikat.

3. Aktiviti ekonomi sesuatu sektor saling bergantung kepada rantaian aktiviti sektor yang lain khasnya untuk perkara melibatkan perolehan bahan mentah dan penjualan produk yang dihasilkan. Prestasi ekonomi mengikut sektor dijangka menerima kesan daripada pelaksanaan PKP.
4. Pelanjutan PKP akan memberi kesan kepada sektor yang diklasifikasikan sebagai "*non-essential services*" termasuklah sebahagian daripada aktiviti sektor pembuatan. Sektor pembuatan merupakan salah satu sektor yang menyumbang ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019. Kadar pertumbuhan pada tahun 2019 adalah 3.8 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun sebelumnya.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **The Star** | **Green light for some sectors**<br><br>The Federal Government will allow some industries to operate during the extended MCO, but the health and safety of the workers remain a top priority.<br><br>Industries which include non-essential and professional services, must apply online from 9am on Monday (April 13) on the International Trade and Industry Ministry's (MITI) website for permission to operate during the MCO period. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/11/green-light-for-some-sectors#.XpFY7mi0nxM.whatsapp |
| 2. | **The Sun Daily** | **Palm oil players in Sabah can resume operations, to adhere to state guidelines**<br><br>The Malaysian Palm Oil Association (MPOA) and the Malaysian Estate Owners Association (MEOA) have been diligently engaging with the relevant authorities in Sabah and putting relevant measures to curb | https://www.thesundaily.my/local/palm-oil-players-in-sabah-can-resume-operations-to-adhere-to-state-guidelines-NB2245719 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the spread of Covid-19 in the palm oil supply chain. | |
| 3. | **The Star** | **Veggies sold online pricey but convenient**<br><br>Vegetables bought online and delivered to your door may be convenient but they can easily cost double or even more. Without leaving the house, one can buy a bag of vegetables comprising long beans, cabbage, sawi, bayam, kangkung, sweet potato leaves, tomatoes, carrots and potatoes for RM50. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/11/veggies-sold-online-pricey-but-convenient |
| 4. | **Berita harian** | **Pasar Foh Sang diarah tutup serta-merta**<br><br>Kerajaan Negeri Sabah mengarahkan Pasar Foh Sang yang masih sesak ketika tempoh PKP ditutup berkuat kuasa serta-merta. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676030/pasar-foh-sang-diarah-tutup-serta-merta |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 5. | **The Edge Markets** | **Third port clearing to start Monday**<br><br>A third phase of the port clearing will be carried out from Monday and will end on Wednesday to ease congestion nationwide. The cleaning process would be based on a standard operating procedure (SOP).<br><br>The previous port clearing exercises carried out at the end of March and early April have proven to be effective in expediting the movement of cargo in congested ports. The movement of cargo to | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/11/third-port-clearing-to-start-monday |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | their final destinations is vital to ensure the uninterrupted supply of goods during the MCO period | |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 6. | **Berita Harian** | **Terima 19,000 pertanyaan tangguh bayaran premium, caruman**<br><br>Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) menerima lebih 19,000 pertanyaan awam mengenai penangguhan bayaran premium/caruman yang diumumkan sebagai sebahagian inisiatif bantuan menangani impak pandemik COVID-19.<br><br>13,000 permohonan penangguhan premium telah diterima dan 3,900 permohonan telah diluluskan. Pilihan untuk menangguhkan pembayaran premium/caruman Insurans/takaful boleh diperoleh mulai 1 April hingga 31 Disember 2020. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675999/terima-19000-pertanyaan-tangguh-bayaran-premium-caruman |
| | **D. Subsektor Hartanah** | | |
| 7. | **Free Malaysia Today** | **MCO has led to many new unregistered property agents, buyers warned**<br>A body representing estate agents today urged property buyers and investors against rushing to look for good property deals following the imposition of the MCO.<br><br>Buyers or investors should hire proper agents before making any | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/11/mco-has-led-to-many-new-unregistered-property-agents-buyers-warned/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | decisions to avoid being cheated. Those who were desperate to sell their properties, because of financial issues or want to get a better property, always made the mistake of hiring many real estate negotiators at the same time, hoping to sell the property faster. | |
| | **E. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 8. | **Free Malaysia Today** | **Haircuts, hardware and laundry services now allowed under MCO**<br><br>A number of services, including hair salons, hardware and electronics shops will be allowed to operate under the MCO subject to strict conditions.<br><br>In the case of hair salons or barber shops, only the cutting of hair is permitted. Meanwhile, for laundry services, full service laundromat will be allowed to open except self-service laundromat. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/10/haircuts-hardware-and-laundry-services-now-allowed-under-mco/?utm_source=FCM&utm_medium=Push |
| 9. | **Berita Harian** | **COVID-19: MITI perhalusi keputusan benar operasi kedai gunting rambut**<br><br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan meneliti semua pandangan dan kebimbangan masyarakat berikutan keputusan membenarkan kedai gunting rambut beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Walaubagaimana pun, orang ramai bimbang wujud kluster | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675860/covid-19-miti-perhalusi-keputusan-benar-operasi-kedai-gunting-rambut |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | baharu jangkitan COVID-19 di Malaysia di kedai gunting rambut seperti di Amerika Syarikat dan Fukuoka, Jepun. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan akan membenarkan sektor *non-essential* dan perkhidmatan profesional untuk meneruskan aktiviti sepanjang tempoh PKP fasa ketiga dan permohonan perlu dimajukan kepada MITI.
2. *Player* bagi industri minyak sawit di Sabah dibenarkan meneruskan aktiviti perniagaan dengan syarat perlu mematuhi kriteria yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Harga jualan sayur-sayuran secara atas talian adalah adalah lebih mahal namun memudahkan pembeli kerana dihantar terus ke rumah.
4. Pasar Foh Sang di Sabah diarahkan tutup serta merta kerana masih dikunjungi oleh orang ramai walaupun dalam tempoh PKP.
5. Kerja pembersihan pelabuhan sebelum ini yang dijalankan pada akhir bulan Mac dan awal April telah terbukti berkesan dalam mempercepatkan pergerakan kargo di pelabuhan bagi mengelakkan kesesakan.
6. Inisiatif penangguhan bayaran premium mampu meringankan beban kewangan pemegang polisi insurans dan juga takaful yang terkesan dengan penularan Covid -19.
7. Pembeli dan pelabur perlu berhati-hati dalam urusan penjualan hartanah mereka dalam tempoh yang memaksa ini bagi mengelakkan ditipu.
8. Perkhidmatan gunting rambut asas (gunting sahaja) dan perkhidmatan dobi (*full service* dan bukan layan diri) telah diberi kelonggaran untuk beroperasi sepanjang tempoh perlanjutan PKP Fasa 3.
9. MITI akan meneliti semua pandangan rakyat dan akan memperhalusi perkara ini sebelum memberi kelulusan terhadap pengoperasian semula kedai gunting rambut.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran oleh Kerajaan bagi sebahagian perniagaan bukan *essential* dan perkhidmatan profesional beroperasi dapat membantu meningkatkan jualan dan perkhidmatan Perdagangan Borong & runcit.
2. Pergerakan kargo ke destinasi terakhir sangat penting untuk memastikan bekalan barang tanpa gangguan dalam tempoh PKP.
3. Kedai gunting rambut termasuk di bawah industri dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain (MSIC 96020) dengan sumbangan sebanyak 34.0 peratus kepada subsektor Perkhidmatan Lain. Pengoperasian kedai gunting rambut pada perlanjutan PKP fasa kedua dijangka akan memberi kesan kepada prestasi industri ini pada suku kedua 2020.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Eye Witness News** | **The coronavirus pandemic could threaten global food supply, UN warns**<br><br>As the novel coronavirus pandemic shuts down businesses globally and sends countries into lockdown, the disruptions are threatening to cut off supply chains and increase food insecurity.<br><br>Hong Kong and Singapore are two of Asia's major financial hubs but with limited farmland, they both have tiny agricultural sectors and import more than 90% of their food.<br><br>Despite this, they are in little danger of food shortages, experts say. For starters, they both have a main supplier; Hong Kong imports the vast majority of its food from mainland China, and Singapore imports from Malaysia. As long as these major sources stay steady, food staples will be secure, and halted imports from other countries won't make too big an impact.<br><br>Although Malaysia is currently under a nationwide lockdown, the food industry is one of the essential services exempt. | https://www.wfsb.com/the-coronavirus-pandemic-could-threaten-global-food-supply-un-warns/article_cf5261ce-7568-5c3c-a4be-5d3aa974081f.html |
| 2. | **Market Access Map, International Trade Centre (ITC)** | **COVID-19 Temporary Trade Measures** | https://www.macmap.org/en/covid19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Daily update of COVID-19 trade measures:<br><br>Vietnam replaces its export ban on rice with and export quota. | |

Penemuan penting & isu:

1. Sekatan terhadap pergerakan orang ramai di seluruh dunia kerana wabak COVID-19 dijangka akan mengganggu sektor pertanian dan rantaian bekalan makanan. Singapura hanya mengeluarkan kira-kira 10 peratus daripada keperluan makanannya. Malaysia merupakan antara pembekal utama makanan bagi Singapura. Perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sehingga 28 April 2020 dikhuatiri akan menjejaskan import makanan ke Singapura. Singapura telah mengambil inisiatif dengan meningkatkan pengeluaran makanan tempatan untuk memastikan bekalan makanan di negaranya tidak terjejas.
2. Pada 27 Mac 2020, Vietnam telah mengenakan larangan eksport beras bagi memastikan keperluan domestik di negaranya mencukupi susulan ancaman Covid-19. Walaubagaimanapun pada 11 April 2020, Vietnam telah membuat keputusan untuk menyambung semula eksport beras dengan menetapkan kuota bulanan untuk pengeksport beras ketika penularan wabak Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import eksport dari/ke Singapura mengikut seksyen barangan pada tahun 2019.

| SITC | SEKSYEN BARANGAN | IMPORT (RM) | EKSPORT (RM) |
|---|---|---|---|
| 0 | Makanan | 1,879,081,871 | 6,696,304,951 |
| 1 | Minuman dan tembakau | 416,280,405 | 1,476,769,502 |
| 2 | Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan | 660,804,874 | 924,755,244 |
| 3 | Bahan api galian, pelincir, dll. | 29,361,986,246 | 23,332,858,665 |
| 4 | Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran | 73,980,836 | 1,679,485,350 |
| 5 | Bahan kimia | 8,471,733,009 | 5,814,528,776 |
| 6 | Barang-barang keluaran kilang | 3,200,714,539 | 10,284,197,945 |
| 7 | Jentera & kelengkapan pengangkutan | 35,724,518,423 | 71,003,212,280 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 | Pelbagai barang keluaran kilang | 6,047,885,829 | 15,199,865,128 |
| 9 | Pelbagai urus niaga dan barangan | 3,709,957,806 | 476,343,243 |
| **JUMLAH** | | **89,546,943,838** | **136,888,321,084** |

Pada tahun 2019, nilai eksport makanan ke Singapura berjumlah RM6.7 bilion (4.9% daripada jumlah eksport ke Singapura). Pada bulan Februari 2020, eksport makanan ke Singapura bernilai RM542.1 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport makanan ke Singapura meningkat RM88.0 juta atau 19.4% daripada RM454.1 juta. Eksport makanan ke Singapura pada tahun 2020 dijangka akan terjejas disebabkan oleh penularan wabak Covid-19.

2. Vietnam merupakan negara pengeksport beras ketiga terbesar di dunia selepas India dan Thailand. Pada tahun 2019, Malaysia mengimport beras dari Vietnam (RM831.3 juta, 44.3%), Thailand (RM499.5 juta, 26.6%), India (RM227.3 juta, 12.1%), Pakistan (RM124.0 juta, 6.6%), Myanmar (RM112.7 juta, 6.0%) dan Cambodia (RM69.1 juta, 3.7%). Import beras pada tahun 2020 dijangka akan terjejas akibat penularan wabak Covid-19.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Times** | **TNB's earnings marginally affected**<br><br>TNB earnings will be marginally affected despite slower demand from businesses during the Movement Control Order (MCO) period. | https://www.nst.com.my/business/2020/04/583133/tnbs-earnings-marginally-affected |
| 2. | **Berita Harian** | **Industri tenaga domestik bergantung pemulihan ekonomi.**<br><br>TNB terus memantau dengan teliti potensi risiko dan kesan COVID-19 serta melaksanakan langkah perlu bagi memastikan permintaan elektrik dapat | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/675527/covid-19-industri-tenaga-domestik-bergantung-pemulihan-ekonomi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dipenuhi dengan cara yang mampan. | |
| 3. | **FMT News** | **Many Sabah developers don't meet criteria to continue work under MCO**<br><br>Many Sabah developers do not meet the requirements set for construction and construction-related services now to operate under the third phase of the movement control order (MCO). | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/11/many-sabah-developers-dont-meet-criteria-to-continue-work-under-mco/ |
| 4. | **The Malaya Post** | **Kerajaan benar sektor tambahan beroperasi**<br><br>Kebenaran diberikan kepada syarikat yang mempunyai kepentingan dalam rantaian bekalan global dan eksport, gandaan nilai tambah yang tinggi, impak ke atas kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) selain jumlah tenaga kerja yang terbabit. | https://www.themalayapost.my/kerajaan-benar-sektor-tambahan-beroperasi/ |

Penemuan penting & isu:

1. Pertumbuhan industri tenaga domestik bergantung kepada fasa pemulihan ekonomi negara selepas pandemik Covid-19 berakhir dan penyusunan semula TNB dijangka selesai pada suku ketiga 2020 apabila TNB Power Generation dan TNB Retail beroperasi yang akan membawa kepada operasi penjanaan dan runcit yang lebih cekap.
2. Kerajaan hanya akan membuka sektor yang menggunakan buruh yang rendah tetapi Kontraktor Sabah tidak menggunakan sistem IBS. Ini meyebabkan kontraktor tidak dapat memenuhi kriteria untuk beroperasi.
3. Syarikat di dalam sektor tambahan yang disenaraikan boleh membuat permohonan beroperasi kepada MITI bermula 13 April 2020 dan hanya permohonan yang menepati syarat dan lengkap sahaja akan di proses.

Maklumbalas Bahagian:

1. Semakan dan pemantauan prestasi pertubuhan di sektor Bekalan Elektrik, Pembuatan dan Pembinaan berdasarkan data yang telah dikumpul.
2. Membuat semakan ke atas laman web MITI bagi penyenaraian pertubuhan yang dibenarkan beroperasi sepanjang PKP.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **MAHB passenger movement down 59% in March**<br><br>MAHB network of airports declined 59.4% from a year ago. International and domestic passenger movements were declined 68.9% and 50.8% respectively. In the first quarter, its network of airports recorded a decline of 23.9% with 25.5 million passenger movements due to Covid-19 MCO. International and domestic sectors declined by 27.8% and 20.3% respectively in Q1 2020 over the same corresponding period last year. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/11/mahb-passenger-movement-down-59-in-march |
| 2. | **Berita Harian** | **Sektor pelancongan sumbang RM86.14 bilion, tahun lalu**<br><br>Pada 2019, Malaysia mencatatkan peningkatan pendapatan pelancongan sebanyak 2.4% kepada RM86.14 bilion manakala jumlah ketibaan pelancong bertambah 1.0% kepada 26.1 bilion, berbanding tahun sebelumnya. Prestasi pelancongan negara juga mencatatkan pertumbuhan dari segi perbelanjaan per kapita sebanyak 1.3% kepada RM3,300 manakala Purata Tempoh Tinggal (ALOS) bertambah 0.9 malam kepada 7.4 malam.<br><br>Pertumbuhan ketibaan pelancong disumbangkan oleh pasaran Asia Selatan (22.2%), Asia Timur (5.9%), Amerika (4.3%) dan Eropah (0.3%). Ketibaan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675666/sektor-pelancongan-sumbang-rm8614-bilion-tahun-lalu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pelancong dari pasaran ASEAN susut 1.3% dan dari pasaran Asia Barat juga berkurangan 2.1%.<br><br>Pelancong Asia Barat merekodkan perbelanjaan per kapita tertinggi iaitu sebanyak RM10,214, peningkatan 2.7% daripada RM9,947 pada 2018. | |
| 3. | **Bernama** | **FGV sambut baik Sabah benarkan kilang sawit sambung operasi**<br><br>Kilang minyak sawit di enam daerah di Sabah dibenarkan beroperasi dengan syarat tertentu susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Enam daerah di Sabah itu menyumbang 75% daripada pengeluaran minyak sawit mentah bagi negeri berkenaan. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1830842 |
| 4. | **Berita Harian** | **COVID-19 beri impak besar KDNK Malaysia - Bank Dunia**<br><br>Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia diunjurkan menguncup di antara 0.1% hingga 4.6% tahun ini berikutan kesan buruk wabak Covid-19.<br><br>Kesan terhadap ekonomi Malaysia itu dijangka besar berdasarkan kesan negatif Covid-19 ke atas pelaburan langsung asing (FDI), komoditi dan pelancongan selain kejutan domestik susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Malaysia adalah antara ekonomi yang amat berkaitan dengan rantaian bekalan global. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675645/covid-19-beri-impak-besar-kdnk-malaysia-bank-dunia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Dalam pada itu, 75 juta pekerjaan berdepan risiko yang berlaku dalam sektor perjalanan dan pelancongan, dengan dua pertiga daripadanya adalah di Asia. | |
| 5. | **Berita Harian** | **Ringgit dijangka terus mengukuh minggu depan**<br><br>Ringgit dijangka terus meningkat berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) minggu depan didorong jaminan kerajaan untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi terpilih dibuka semula secara berperingkat.<br><br>Ringgit juga dijangka menguji paras 4.25 berbanding dolar AS sekiranya mata wang negara maju itu terus merekodkan prestasi sederhana atau wujudnya minat risiko yang lebih ketara dalam pasaran global.<br><br>Bagi minggu yang baru berakhir, ringgit meningkat berbanding dolar AS kepada 4.3050/3150 pada Jumaat daripada 4.3520/3620 ketika Jumaat minggu lalu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/675752/ringgit-dijangka-terus-mengukuh-minggu-depan |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Rangkaian lapangan terbang MAHB mencatatkan 4.8 juta penumpang pada bulan Mac 2020 iaitu menurun sebanyak 59 peratus. Aliran penumpang antarabangsa dan domestik masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 68.9% dan 50.8%. Pada suku pertama ini, prestasi pergerakan penumpang MAHB menurun 23.9% yang disebabkan oleh penularan Covid-19.
2. Akhbar 2: Pada 2019, Malaysia mencatatkan peningkatan pendapatan pelancongan sebanyak 2.4% kepada RM86.14 bilion manakala jumlah ketibaan pelancong bertambah 1.0% kepada 26.1 bilion, berbanding tahun sebelumnya. Prestasi pelancongan negara juga mencatatkan pertumbuhan dari segi perbelanjaan per kapita sebanyak 1.3% kepada RM3,300

manakala Purata Tempoh Tinggal (ALOS) bertambah 0.9 malam kepada 7.4 malam.

3. Akhbar 3: Kilang pengeluaran minyak sawit di enam daerah di Sabah dibenarkan beroperasi yang menyumbang 75% daripada pengeluaran minyak sawit mentah bagi negeri Sabah.
